

Perluas peranan, sumbangan alumni

Fahmi Azar Mistar,
Pengarah
Pusat
Perhubungan
Alumni,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Pada era persaingan bakat global serta keterbatasan sumber awam, universiti dituntut memanfaatkan sokongan strategik alumni bagi meningkatkan daya saing dan memacu kecemerlangan merentas pelbagai bidang.

Peranan alumni wajar diperluas dan disepadukan dalam keseluruhan ekosistem universiti agar sumbangannya dapat diterjemahkan lebih bermakna dan berimpak.

Hakikatnya, alumni sebahagian identiti dan reputasi universiti itu sendiri kerana membawa bersama nilai, budaya serta imej alma mater ke alam pekerjaan dan masyarakat. Kejayaan alumni mencerminkan kualiti universiti, manakala pembabitan aktif mereka pula berupaya memperkukuh hubungan universiti dengan industri, komuniti dan negara.

Selari dengan Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035, peranan alumni sebagai rakan strategik universiti menjadi semakin relevan dan kritikal. Ia menekankan pembangunan siswazah holistik, peningkatan kebolehpasaran bakat, pengukuhan jaringan universiti-industri serta kelestarian institusi memerlukan pembabitan aktif semua pemegang taruh.

Malah, ia selari dengan antara tujuan utama dalam Amanat Tahun Baharu 2026 Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, iaitu 'Alumni Back to Campus'.

Sumbangan alumni boleh diterjemahkan dalam pelbagai bentuk memberi impak langsung kepada universiti dan pelajar. Dari sudut kewangan, alumni boleh menyumbang melalui dana biasiswa, tabung kebajikan pelajar, sokongan kepada penyelidikan serta pembangunan infrastruktur universiti.

Sumbangan ini amat bermakna, khususnya dalam membantu pelajar daripada keluarga berpen-

dapatan rendah, sejajar prinsip keadilan sosial yang menjadi teras pembangunan negara.

Alumni juga boleh berkongsi kepakaran dan pengalaman industri melalui program mentor-mentee, syarahan jemputan, bengkel kerjaya serta pembabitan sebagai panel penasihat fakulti.

Penyediaan peluang latihan industri dan penempatan pekerjaan oleh alumni secara langsung menyokong agenda kebolehpasaran siswazah, sekali gus merapatkan jurang antara latihan akademik dengan keperluan sebenar pasaran kerja.

Universiti perlu proaktif, mesra alumni

Oleh itu, universiti perlu proaktif membuka ruang dan peluang yang jelas serta mesra alumni, termasuk mewujudkan struktur pengurusan alumni mantap, platform komunikasi dua hala berterusan serta inisiatif relevan dengan minat dan kemampuan alumni. Pendekatan inklusif dan berfokus kepada impak akan menggalakkan pembabitan alumni.

Dalam membangunkan ekosistem alumni berimpak, Pusat Perhubungan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) misalnya berfungsi sebagai platform rasmi menyelaras hubungan alumni dengan universiti, di samping merancang dan melaksanakan pelbagai program berimpak tinggi membabitkan alumni secara langsung dalam pembangunan institusi dan pelajar.

Alumni UPM dibahagikan kepada kategori Alumni Sulung, Alumni Tengah, Alumni Muda dan Alumni Bongsu, sekali gus membuka ruang memberikan sumbangan signifikan. Peranan sebagai penasihat dilaksanakan Alumni Sulung; penggerak aktif setiap aktiviti dan kebajikan (Alumni Tengah); menyumbang idea kreatif, terkehadapan dan dekat dengan pelajar (Alumni Mu-

da) serta sumbangan tenaga serta menjadi penghubung antara pelajar dengan universiti (Alumni Bongsu).

Ini boleh dilihat dalam pembinaan Projek Menara Jam Warisan Putra, yang kini menjadi simbol identiti dan kebanggaan baharu seluruh warga kampus. Projek ini membuktikan sumbangan alumni bukan sahaja tertumpu kepada aspek akademik, malah merangkumi pemeliharaan warisan, nilai sejarah dan pembangunan fizikal universiti.

Alumni UPM turut aktif menyediakan biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar, termasuk di peringkat fakulti dan kolej kediaman melalui penajaan program pembangunan pelajar, sokongan aktiviti akademik dan kokurikulum serta penambahbaikan kemudahan pembelajaran.

Pengiktirafan kepemimpinan universiti terhadap peranan alumni turut diperkukuh apabila Naib Canselor UPM dalam Amanat Tahun Baharu 2026 mengiktiraf alumni sebagai rakan strategik dan menyeru agar lebih ramai alumni tampil menyumbang.

Dalam usaha memantapkan lagi pembabitan alumni, Pusat Perhubungan Alumni UPM menuhkan Chapter Alumni Antarabangsa di beberapa lokasi strategik di luar negara untuk memperkukuh jaringan, meningkatkan keterlibatan dalam pelbagai program dan aktiviti universiti.

Selain itu, Majlis Alumni Universiti Awam (MALUMNI) juga mengambil inisiatif melancarkan 473 Program Jalinan Alumni Prihatin (CAKNA) yang membawa aspirasi Cakna, Aspirasi, Kebajikan, Nilai dan Alumni untuk dilaksanakan di seluruh universiti awam (UA) pada tahun ini, sekali gus mencerminkan komitmen bersama alumni dalam memperkukuh sumbangan kepada universiti, negara dan masyarakat secara lebih tersusun serta berimpak.